

Pelajar cemerlang dapat 5A STPM mohon bantuan rawat penyakit saraf

Terpaksa tolak tawaran universiti

Oleh **NORAZMAN ABDUL RAHIM**
bei ila@kosmp.com.my

MERSrNG - Biar pun mendapat keputusan cemerlang riam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yazi gdi unmmkan baru-bwu ini, hasrat untuk melanjutkan pengajian ke menara gading terpaksa ditolak ekoran penyakit saraf yang dihidapi sejak berusia 12 tahun.

Pelajar malang berkenaan, Norazim Ngadiran, 21, dari Felda Tenggaroh 5, di sini, berkata, ekoran itu, dia tidak boleh berjalan melainkan dengan bantuan kerusi roda dan sentiasa mengharapkan bantuan keluarga untuk bergerak.

"Sepanjang belajar di sekolah, ibu saya sentiasa ada bersama saya tetapi kalau saya terima tawaran universiti, siapa yang akan bantu saya sepanjang di sana nanti?" katanya.

Norazim mjamberitahu, pelbagai usaha dilakukan untuk merawat penyakitnya, namun masih belum menunjukkan sebarang hasil.

Anak keempat daripada lima

adik-beradik itu memperoleh keputusan ~>A dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Dia yang mengikuLi aliran sains tulen men da pat banyak tawaran melanjutkan pelajaran termasuk ke matrikulasi dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), namun semuanya terpaksa ditolak.

"Hasrat saya untuk mejadi arkitek terpaksa dilupakan dan semngga ldi saya masih lagi berharap untuk pulih," katanya.

Sementara itu, ayahnya, Ngadiran Panitan, 53, memberitahu dia masih berikhtiar untuk memulihkan penyakit saral' anak lelakinya itu.

"Saya harap, orang ramai yang ingin membantu merawat anak saya, datanglah ke rumah kami di alamat No. 18, Felda Tenggaroh 5, 86810 Mersing atau teki'on 07-7914903 dan 013-7629036," katanya.

NORAZIM menghidap penyakit saraf dipapah oleh ibu dan ayahnya di rumahnya di Tenggaroh 5, Mersing semaiam.



Pro-Aspirasi kuasai 7 universiti

Oleh JUNHAIRI ALYASA, KAMIIAH MUSTAPHA dan YUNUS YAAKOB
ijentaOkosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Pro-Aspirasi terus mengungguli pilihan raya kampus (PRK) bagi sesi 2011/2012 apabila berjaya mengukuhkan kedudukan di Lujah buah universiti awam di negara ini.

Antara universiti yang dikuasai oleh kumpulan yang melabelkan diri mereka selari dengan aspirasi kerajaan ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Bagaimanapun Pro-Mahasiswa (Pro-M) mendakwa sudah berjaya merobek beberapa kubu Pro-Aspirasi.

Menurut juruekap Pro-Aspirasi UPM, Muhammad Zulkhairi Dzulkifli, semua



PILIHAN RAYA KAMPUS 2011/2012

pemimpin dan pendokong kumpulan tersebut harus bekerja lebih keras pada masa depan bagi memastikan mereka terus mendapat sokongan padu daripada mahasiswa.

"Mahasiswa bersama-sama mendukung aspirasi kita dan untuk itu kita tidak perlu rasa kecewa, putus asa dan terus berusaha menjadi seorang pemimpin yang baik," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut beliau, mereka tidak perlu rasa bimbang dengan kemenangan Pro-M kerana kumpulan itu hanya rauneul setiap kali PRK diadakan.

"Selepas dilantik tidak ada apa yang dilakukan oleh mereka sebaliknya hanya banyak membaxirkan masa dengan menghantar memorandum fln berdemonstrasi.

"Pada pandangan saya apa yang mereka iakukan hanya untuk meraih populariti sahaja konon mereka adalah jagub sebenar mahasiswa tetapi apabila diminta buat program mereka gaga] untuk laksanakan," ujarnya.

Tambalnya lagi, beliau turut kesal dengan budaya politik luar yang dibawa masuiv oleh Pro-M yang menimbulkan pepetrahan di kalangan masyarakat kampus.

"Tujuan utama PRK ialah sebahagian daripada pembelajaran tetapi liarapau itu rosak dengan sikap buruk ditunjukkan oleh kumpulan ini. Kami Pro-Aspirasi dengan jelas setiap tindakan mesti dengan budi bicara, kerjasama dan penuh diploma-



PELAJAR UIA membuang undi menerusi sistem e-undi di universiti tersebut di Gombak semalam.

Keputusan pillhan raya kampus

| Universiti | Pro-Aspirasi | Pro-Mahasiswa |
|--|--------------|---------------|
| Univenati Putra Malaysia (UPM) | 31 | 11 |
| Universiti Pendidikan Sultan (dris (UPSI) | 7 | 11 |
| Universiti Malaya (UM) | 18 | 23 |
| Universiti Teknobi Malaysia (UTM) 0' 1 M | 38 | 12 |
| Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 15 | 22 |
| Universiti Sains Malaysia (USM) § J i | 24 | 13 |
| Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) i. | 7 | TB |
| Universiti TeknkalMaiaysJaMelaka(UTem) jf* | TK | TK |
| Universiti Malaysia Sarawak (Unimap) | TK | TK |
| UnwersitiMalaysiaPahang(UMP) V | TK | TK |
| Universiti Malaysia Sabah (UMS) | 26 | 6 |
| Universiti Malaysia Kelantan (UMK) | 4 | 8 |
| Universiti Sains Islam Malaysia (USM) ff^ | 0 | 24 |
| Universiti Teknologi Mara (UiTM) flj..." | 52 | 0 |
| Urtversiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) *---.. | 1 | 23 |
| UniverabTunHL)SSienOnnMaiaysia(UTHM) :-<\$; | 18 | 12 |
| UnrvetsitiUtaraMalaysia(UUM) {(J | TK | TK |
| Universiti Malaysia Terengganu (UMT) j&t | TK | TK |
| Universiti Malaysia Pedis (UniMAP) (Q | TK | TK |
| Universiti Sultan Zainal Absdin % | TK | TK |
| JUMLAH | 7 | 6 |

TB - Tidak Bertanding
TK - T ada Kumpulan

"Kita harus sedar bahawa inilah rea-
Uti kehidupan di luar kampus. Kita harus mempunyai nilai-nilai yang baik demi untuk memastikan keharmonian dalam sesebuah organisasi dan masyarakat. Tidak semua benda boleh kita dapat dengan hanya berdemonstrasi," jelasnya.

Muhammad Zulkhairi turut mendakwa, beliau menjadi mangsa tindakan ganas penyokong Pro-M apabila motosikal yang dimilikinya termasuk beberapa buah kenderaan milik universiti disimbah dengan cat merah.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Politik Nasional Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia, Ahmad Syukri Abdul Razab mendakwa, kemenangan Pro-M berpunca daripada idealisms perjuangan yang dibawa oleh kumpulan itu.

"Saya dapati sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak universiti terhadap kami juga merupakan satu daripada punea kemenangan apabila mahasiswa rata-rata nampak ketidakadilan yang dilakukan ketika PRK berlangsung," jelasnya.



BAYU UTOMO tampil lukisan bertajuk *Terlerai*.

ROHAIZAD menterjemahkan tema kehidupan kampung, persekitaran dan kehidupan dalam karyanya.



Pameran lukisan Kami mengumpulkan tiga generasi pelukis era 70-an, 80-an dan 90-an yang mengenegahkan karya figuratif dan realis mengikut pengamatan masing-masing.

AMI, yang merujuk kepada barisan pelukis yang berhubung erat antara satu sama lain tetapi nadir dalam tiga generasi berbeza, kini bersatu di Arti Gallery, Desa Melawati, Kuala Lumpur. Mereka berkolaborasi bersama karya lukisan masing-masing untuk tatapan umum sehingga 4 Mac depan.

Nama-nama pelukis tersohor seperti Amron Omar, Mad Anuar Ismail, Khalil Ibrahim, Rosli Mat, Rohaizad Shaari. Ahmad Fuad dan Bayu Utomo Radjikin sudah semestinya amat dikenali melalui kehebatan mereka menterjemah



PELUKIS Rosli Mat memilih untuk memotretkan imej seorang wanita berusia emas dalam karyanya.



SEBAHAGIAN daripada barisan pelukis pameran Kami yang kini sedang beriangsung di Arti Gallery Desa Melawati.

kehidupan dalam bentuk catan. Amron, 54, yang tampil dengan siri *Pertarungan* menampilkan unsur kesenian tradisi Melayu dalam bahasa visual yang bersifat figuratif. Beliau yang merupakan bekas pensyarah Fakulti Seni Halus, Universiti Teknologi Mara (UiTM) kini adalah pelukis sepenuh masa. "Tema pertarungan atau seni silat telah membentuk karya-karya lukisan saya sejak menceburi bidang ini pada tahun 80-an dan aktif sebagai pelukis dan pensyarah sambil bermula tahun 90-an.

"Pemilihan tema pertarungan adalah kerana ra begitu dekat dengan latar belakang kehidupan saya yang dibesarkan di Alor Setar, Kedah. Pameran Kami hanya menampilkan sedikit karya daripada ribuan pertarungan yang saya zahirkan dalam bentuk catan," katanya ketika ditemut di Arti Gallery baru-baru ini.

Tidak dapat lari dengan tema alam sekitar, pelukis, Hushinaidi

Abdul Hamid, 38 tampil dengan dua buah lukisan bertajuk *Merenungarus* dan *Satu* dikandung empat. Menurutnya yang merupakan anak jati Perlis, interpretasi lukisannya adalah manusia yang semakin jauh dengan alam iaitu realiti. "Saya mahu membawa kesegaran alam melalui catan kerana ketika ini, manusia sudah semakin jauh dengan alam. Saya sendiri semakin jauh dengan tempat kelahiran saya. Justeru, saya ingin merasai kewujudan alam melalui lukisan-lukisan saya," jelasnya.

Sementara itu, Rohaizad Shaari mencabar dirinya dengan mengangkat latar kehidupannya sebagai bahan penguapan karya yang ditetjemahkan dalam bentuk catan cat air.

"Jika sebelum ini cat air ditukis di atas kertas, saya mencuba sesuatu yang baru dengan melukis di atas kanvas. Tema kehidupan yang tampil dalam imej kampung, persekitaran, kampung Melayu dan sawah padi sering menjadi pilihan saya untuk diterjemah menjadi karya," katanya yang tampil dengan lukisan bertajuk *Arus Pembangunan*.

Pelukis yang berasal dari Sabah. Samsuddin Lappo juga tidak dapat lari daripada tema figuratif dalam penghasilan karya-karyanya. Untuk pameran kali ini, dia tampil dengan lukisan bertajuk *Sigar dan Sebijil Epal di Hujung Songkok*.

"Saya percaya tubuh manusta adalah yang paling tepat untuk menceritakan mengenai manusia itu sendiri," jelasnya mengenai pemilihan konsep atau tema figuratif dalam karya-karyanya.

Sementara itu, Arti Fine Art Studio adalah merupakan sebuah galeri seni yang terletak di Desa Melawati, Kuala Lumpur dan ditubuhkan pada tahun 2010. Ia mempunyai pengalaman yang agak lama dalam dunia seni tampak Malaysia sebelum ini.

Galeri itu berperanan menyediakan platform kepada seniman tempatan dalam mempamerkan karya mereka, sekali gus memperkembangkan dunia seni tanah air. Karya seperti area, catan, cetakan dan beberapa bentuk seni lain dapat dthayati di galeri itu.

LUKISAN bertajuk 0 karya AM Nurazmal Yusoff.